

BAB TIGA

Susunan Pertahanan Di Bawah Pentadbiran Pejabat Kolonial

(1867-1884)

Semenjak 1hb. April 1867, koloni Negeri-Negeri Selat telah ditadbir secara langsung oleh Pejabat Kolonial di London. Perkara ini telah melicinkan urusan pentadbiran dan pertahanan kerana koloni tidak perlu menunggu kata putus dari India yang seringkali mengambil masa yang lama. Dengan perjalanan pentadbiran yang lebih cepat dan kedudukan Singapura dalam pendapatan Kolonial, maka kerja-kerja pertahanannya begitu giat dibangunkan. Pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 pula telah menyemarakkan lagi kepentingan Singapura sebagai stesen arang batu Imperial dan pengkalan laut kepada kapal-kapal British. Kepentingan Imperial dalam kerja-kerja pertahanan akhirnya akan membawa kepada peralihan penyelarasan dan perlaksanaan pertahanan dari Kolonial kepada Imperial. Dalam erti kata lain, berikutan perubahan dalam teknologi pelayaran kapal wap dan pembukaan Terusan Suez, peranan dan lokasi strategik Singapura menjadi semakin penting dan nyata. Peralihan pertama adalah dari pentadbiran British di India ke Pejabat Kolonial di London.

Boleh dikatakan bahawa semenjak tahun 1869, pembangunan ekonomi Singapura telah berkembang dengan pesat. Ia menjadi satu perkara utama dalam perhatian Imperial dari semasa ke semasa berikutan tekanan daripada orang ramai yang mahukan langkah-langkah keselamatan diambil. Pada tahun 1881, satu laporan pertahanan Pulau Singapura yang lengkap telah dikeluarkan. Ia termasuk rancangan pertahanan yang harus dibina untuk memastikan segala kepentingan perdagangan British yang terdapat di pulau ini terhindar dari ancaman dan sebarang cubaan pencerobohan musuh.¹

Pendek kata, perkembangan dan pembangunan infrastruktur pelabuhan banyak menyumbangkan kepentingan Pulau Singapura kepada pihak Kolonial dan Imperial. Malah atas faktor inilah, pembangunan pelabuhan kerap diiringi dengan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan. Kewujudan dan peranan Singapura tidak hanya terhad sebagai sebuah pelabuhan entrepot tetapi juga sebagai sebuah *fortified island* yang menjadi lambang kemegahan dan kedaulatan empayar British di Timur.

3.1 Aktiviti Pelabuhan Dan Perdagangan

Kehadiran faktor arang batu di Singapura telah menyebabkan ia diangkat sebagai salah satu daripada pengkalan laut utama Imperial dan dianggap dapat menguasai laluan perdagangan serta komunikasi ke Timur

dan Barat. Tambahan lagi, terdapat hanya dua laluan pelayaran sahaja dari Barat untuk pergi ke China dan lautan di sebelah Timur iaitu dengan melalui Selat Melaka dan Selat Sunda. Selat Melaka menjadi penyambung laluan kapal atau *highway* British dari Suez, Aden, India dan Ceylon untuk belseyar ke Timur. Dengan pembukaan Terusan Suez, Inggeris cuba menghidupkan laluan Selat Melaka dan Selat Singapura serta memakmurkan perdagangan di Singapura. Dengan itu, Pelabuhan Singapura telah dibangunkan dengan segala kemudahan perkапalan dan perdagangan serta stok-stok arang batu yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada aktiviti perkапalan dan pelayaran di Timur. Pertahanan kepentingan strategik arang batu untuk perkапalan yang berpusat di Singapura serta perkembangan perdagangan dan pelabuhannya menjadi tanggungjawab Pejabat Kolonial di London.

3.1.1 Terusan Suez Dan Hubungannya Dengan Pelabuhan Singapura.

Pembukaan Terusan Suez telah membuka satu lembaran baru dalam kalendar Singapura. Ia memendekkan jalan dan masa pelayaran dari Eropah ke Asia dan seterusnya ke Timur Jauh melalui Selat Melaka dan Selat Singapura. Kapal-kapal dagang dari Eropah tidak perlu lagi mengelilingi benua Afrika untuk belseyar ke Timur. Dengan itu, laluan pelayaran dapat dikurangkan sehingga beberapa ribu batu.²

Pembukaan terusan ini juga merupakan salah satu faktor pendorong kepada perkembangan kapal-kapal wap yang mengambil alih fungsi kapal-kapal yang bergantung kepada tiupan angin.³ Kapal-kapal wap memerlukan perkhidmatan pembekalan arang batu di Singapura. New Harbour yang mempunyai barisan dermaga dan limbungan dengan pengendalian yang cekap telah membangun dengan pesat. Perkembangan ini akhirnya menuju kepada satu pencapaian dalam persaingan antara perdagangan kapal-kapal mengangkut barang dagangan. Ini bermakna ia telah memberikan kesan positif ke atas pembangunan perdagangan dan kepentingan lokasi Singapura.

Kedudukan Singapura membahagi dua jarak pelayaran antara Hong Kong dan Trincomalee. Jarak antara kedua-dua pelabuhan Inggeris berkenaan dari Singapura ialah sejauh 1,430 dan 1,490 batu. Ini menjadikan Pulau Singapura muncul sebagai salah satu daripada rangkaian arang batu utama kepada empayar British. Ia juga menjadi stesen arang batu bagi hampir keseluruhan aktiviti perkapalan di Timur.⁴ Pada tahun 1874, sejumlah 125,862 tan arang batu telah dieksport ke Singapura. Hampir seribu buah kapal wap singgah di Singapura setiap tahun untuk mengisi bekalan arang batu serta memperbaiki kapal di pelabuhan sebelum meneruskan pelayaran mereka.⁵

Jadual 3.1 : Menunjukkan ketibaan kapal layar dan kapal wap di Pelabuhan Singapura pada tahun 1869 dan bagi tahun 1872 hingga 1879.

Tahun	kapal layar	kapal wap	Jumlah
1869	347,596	264,790	621,386
1872	313,018	748,322	1,061,340
1873	227,475	794,366	1,021,841
1874	361,022	843,265	1,104,277
1875	237,065	1,046,723	1,283,786
1876	163,385	1,291,304	1,454,689
1877	251,723	1,206,013	1,457,736
1878	283,661	1,355,765	1,255,504
1879	254,933	1,255,564	1,510,497

Sumber : G.E. Boogars, "The Effect of Opening the Suez Canal on the Trade and Development of Singapore", **JMBRAS**, Vol.42, Part 2, Singapore, Times Printers, 1969, hal. 247.

Pada bulan Januari 1870, editor sebuah akhbar **Singapore Daily Times** mengulas bahawa tahun 1869 sebagai permulaan kepada satu era dalam *life of the great commercial and maritime nations*.⁶ Pembukaan Terusan Suez menggiatkan lagi aktiviti perdagangan dan meningkatkan kepentingan Singapura sebagai sebuah pusat komersial dan pelabuhan utama bagi kapal-kapal dagang Eropah yang belayar ke Timur Jauh.⁷ Dengan kelebihan pelabuhan yang terlindung serta dermaga dan limbungan yang efisien, perdagangan Singapura menempuh era baru dan bertambah makmur ekoran pembukaan terusan tersebut.

Secara tidak langsung, pembukaan terusan ini turut menjadi satu mangkin kepada ancaman serangan kuasa asing ke atas Singapura. Kapal-kapal tentera asing dengan mudah dan cepat dapat digerakkan ke Singapura. Sudah pasti faktor arang batu dan kemudahan pelabuhan menjadi tumpuan utama dan rebutan serangan musuh. Oleh itu, sebagaimana keselamatan di pelabuhan-pelabuhan dan depot-depot arang batu British yang lain, pertahanan Singapura juga harus sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan pencerobohan pihak musuh, terutamanya ketika ketidakhadiran angakatan laut British di perairan ini. Dalam masa yang sama, Singapura perlu meletakkan kedudukannya sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang maju.

3.1.2 Perkembangan Perdagangan Dan Pelabuhan Singapura

Perdagangan dan pembangunan Pelabuhan Singapura semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bilangan kapal wap yang memasuki dan menggunakan kemudahan pelabuhan tersebut juga kian bertambah. Kelebihan Pelabuhan Singapura dengan pembinaan limbungan dan dermaga serta lokasi yang strategik dan berpotensi, menyebabkan ia boleh muncul sebagai pusat perdagangan dunia di Timur.

"It is the entrepot which brought together and exchanged the products and manufactures of the Western World, of India, Cochin-China, Siam, Malay Peninsula, and the whole wide of the Eastern

Archipelago from its Western limits in Sumatera to the Meridian of New Guinea and the Philippines".⁸

Import dan eksport Singapura pada tahun 1869, 1870, dan 1871 adalah sebanyak \$31,961,941, \$39,058,564 dan \$36,766,530. Eksportnya pula bagi tiga tahun berturut-turut mencatatkan sebanyak \$26,982,200, \$31,731,022 dan \$32,002,807.⁹ Kemajuan perdagangan ini membuktikan tentang kedudukan dan kepentingan Pulau Singapura kepada British dalam menguasai perdagangan di Alam Melayu ini.

Kemajuan Negeri-Negeri Selat, khususnya Pulau Singapura dalam tahun 1870-an begitu membanggakan. Jumlah import dan eksport meningkat hampir sekali ganda bagi tahun 1860 dan 1876. Misalnya nilai perdagangan yang diperolehi bagi tahun 1876 berjumlah £26,137,474 berbanding dengan £14,821,300 pada tahun 1860. Jumlah kuantiti tan yang memasuki Pelabuhan Singapura juga bertambah dari 1,675,984 dalam tahun 1873 kepada 2,548,722 tan pada tahun 1876. Sementara itu, lebihan pendapatan bersih Negeri-Negeri Selat pada tahun 1876 adalah berjumlah kira-kira £24,000.¹⁰

Pembangunan pelabuhan dan kemajuan aktiviti perdagangan serta perkapalan di New Harbour, telah menyebabkan satu pertimbangan dan keputusan diambil untuk membina landasan keretapi. Pada pertengahan tahun 1870, cadangan pembinaan landasan keretapi dari bandar Singapura ke dermaga-dermaga di Tanjong Katong telah

diusulkan.¹¹

Rancangan pembinaan landasan keretapi ini akan menghubungkan bandar Singapura, Tanjong Pagar dan New Harbour. Pendek kata, pembinaan landasan tersebut bermula dari bandar Singapura dan menganjur hingga ke kawasan kemudahan perkapalan dan dermaga-dermaga di New Harbour.¹² Di samping itu, ia turut menawarkan perkhidmatan kepada para penumpang dan membolehkan surat-surat dari atau yang hendak dihantar ke New Harbour. Landasan tersebut adalah sepanjang tiga batu dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.¹³ Maka, landasan keretapi merupakan satu kemudahan mengangkut muatan dagangan dari pelabuhan ke gudang-gudang.¹⁴

Pembinaan gudang-gudang dan *store houses* semakin bercambah ekoran kegiatan perdagangan dan perkapalan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat perkapalan di pulau tersebut. *Store houses* banyak terletak di sepanjang pantai bandar Singapura dan menganjur hingga ke Tanjong Pagar. Bangunan-bangunan tersebut dimiliki oleh syarikat-syarikat perkapalan seperti Syarikat Borneo Berhad, Syarikat Massageries Imperiales serta Syarikat Wharves of Messrs. Jardine and Matheson, Dermaga-dermaga dan *store houses* milik Syarikat Peninsular and Oriental Steam Navigation serta Syarikat Patent and Dock merupakan sebuah syarikat perkapalan yang menyediakan kemudahan limbungan yang

terbesar di Pulau Singapura.¹⁵

Jadual 3.2 : Menunjukkan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pelabuhan Singapura oleh syarikat-syarikat perkапalan tersebut hingga tahun 1870.

Syarikat-syarikat	Wharves (kaki panjang)	Godowns (tan)	Coal Shed
Tanjong Pagar Dock Co.	1,890	8,000	33,000
Borneo Co. Ltd.	1,200	5,000	33,000
Jardine, Matheson and Co.	350	1,500	8,000
P. & O. Co.	870	5,322	16,000
Patent Slip and Dock Co.	1,339	18,000	24,000

Sumber : CO 273/49 : The Inquiry By The Legislative Council Of The Straits Settlements, Into The Question Of The Applications For Concession For The Railway To The New Harbour, Straits Times Press, Singapore, 1870, 23 Sept. 1871, desp. 228, ff. 455-496.

Kemudahan-kemudahan perkапalan perdagangan dan arang batu yang disimpan di kawasan pelabuhan amat bernilai kepada Imperial. Kepentingan-kepentingan ini memerlukan jaminan keselamatan yang maksimum. Sebarang pencerobohan ke atas New Harbour mesti dielakkan. Kerja-kerja pertahanan perlu dilaksanakan untuk menghindarkan kemungkinan tersebut.

3.2 Pembiayaan Pertahanan Pulau Singapura Dan Wilayahnya

Isu perpindahan kuasa pentadbiran Negeri-Negeri Selat dari India ke London menjadi perkara pokok dalam merangka dan melaksanakan kerja-kerja pertahanan Singapura dan wilayah pengaruh perdagangannya. Semasa pengurusan perpindahan pentadbiran tersebut, koloni perlu membiayai keseluruhan kos pertahanannya.¹⁶ Sumbangan tahunan yang dibuat oleh koloni ini dari tahun 1868 hingga 1871 berjumlah sebanyak £59,300 setahun. Kemudian dari tahun 1872 hingga 1890, sumbangan tersebut berjumlah £50,145 setahun. Jumlah *Military Contribution* ini dibuat atas persetujuan Kerajaan Imperial semasa isu perpindahan pentadbiran berlangsung dalam tahun 1866.¹⁷

3.2.1 Isu Pembiayaan Pertahanan Dan Garisen

Menurut laporan H. Robinson pada tahun 1864 berkenaan pertahanan Singapura, beliau menyatakan bahawa perbelanjaan Negeri-Negeri Selat bagi awal tahun 1860-an adalah sebanyak £172,000. Daripada jumlah ini, £53,000 dibelanjakan untuk pertahanannya. Perbelanjaan tersebut dibuat melalui *Crown Agent*.¹⁸ Di samping itu terdapat juga cadangan meningkatkan perbelanjaan pertahanan koloni kepada £63,000. Cadangan tersebut menunjukkan bahawa koloni bersedia membiayai kerja-kerja pertahanannya dan tidak akan membebankan kewangan Kerajaan

Imperial.

"The Lord Commissioners suggest that the primary object of your inquiry ought to be ascertain whether the Settlements, in the event of their transfer, will be in a condition to defray their own expenses without any charge on Imperial fund".¹⁹

Pada 2hb. Jun 1866, selepas segala perbincangan dan pertimbangan dijalankan, pihak *Treasury* telah sebulat suara menetapkan jumlah sumbangan pertahanan koloni sebanyak £59,300 setahun. Perkara berkenaan sumbangan ini akan dikaji dalam tempoh setiap lima tahun. Namun begitu, pada tahun 1868, sumbangan pertahanan koloni yang berjumlah £59,300 tidak dapat memenuhi keseluruhan kos garisennya.²⁰ Memandangkan kekurangan dalam peruntukan perbelanjaan pertahanan, Imperial telah diberi peluang memainkan peranan dalam kerja-kerja pertahanan, khususnya perkara berkenaan pembiayaan garisen.

Pada tahun 1867, selepas pertimbangan secara umum tentang kedudukan garisen British di Timur, Pejabat Perang telah mengambil keputusan menggerakkan tentera berbangsa Eropah, iaitu *a wing of regiment of Infantry* dari Hong Kong ke Singapura. Mereka ditugaskan berkhidmat di bawah *Imperial purposes*. Ini disebabkan anggota pertahanan tersebut menghadapi masalah kesihatan dan persekitaran di Hong Kong. Penghantaran tentera dan pembiayaan berek-berek pasukan berkenaan ditampung oleh pihak Imperial.²¹ Regimen ini akan ditempatkan di berek-

berek di Tanglin dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak £14,000.²²

Setelah perbincangan dijalankan dengan Pejabat Perang, anggota pertahanan bagi Kerajaan Kolonial yang ditempatkan di Singapura terdiri daripada dua *batteries of Artillery* dan 6 *companies of Ceylon Rifles*. Koloni perlu menyediakan £59,000 setahun untuk menampung perbelanjaan pasukan-pasukan tersebut.²³ Kemudahan-kemudahan tentera seperti berek dan hospital bagi pasukan pertahanan juga termasuk di dalam peruntukan £59,300 itu. Kemudahan tersebut merupakan sebahagian daripada keperluan dalam melindungi koloni ini.²⁴ Semua kerja pembaikan berek turut dibiayai oleh tabung Kolonial, kecuali bagi kerja-kerja yang bertujuan untuk kemudahan Regimen Eropah.²⁵

Pada tahun 1869, Kerajaan Kolonial Negeri-Negeri Selat telah menghulurkan sumbangan sebanyak \$129,163.04 sebagai pendahuluan bagi membiayai pasukan tentera yang berkhidmat di Singapura dan Negeri-Negeri Selat yang lain.²⁶ Kos pembiayaan dan penyelenggaraan kerja-kerja pertahanan serta bangunan-bangunan tentera ditampung sendiri oleh pihak koloni. Perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan pembaikan berek-berek dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari pasukan *Royal Engineer Department*. Namun begitu, setiap perbelanjaan tidak akan diputuskan tanpa pengetahuan Kerajaan Kolonial.²⁷

Pembukaan Terusan Suez pada bulan November 1869 telah

menambah peranan Pulau Singapura daripada bukan hanya sebagai sebuah pelabuhan komersial semata-mata bahkan juga sebuah *fortified island*. Kemunculan pulau ini yang begitu menonjol dan penting kepada rantai komunikasi, perkapalan, perdagangan dan keunggulan empayar Inggeris telah meletakkan soal-soal pembiayaan pertahanannya sebagai satu isu pokok.²⁸ Maka, adalah tidak adil bagi koloni Negeri-Negeri Selat menampung perbelanjaan pertahanannya yang begitu membebankan. Koloni dirasakan hanya perlu menanggung sebahagian daripada jumlah perbelanjaan pertahanannya. Alasan yang diberikan ialah keselamatan perdagangan serta Pulau Singapura dan wilayah perdagangannya lebih merupakan satu keuntungan kepada empayar British. Pihak Imperial pula merasakan perlindungan yang ditawarkan oleh faktor pertahanan banyak memberikan kelebihan kepada kemakmuran perdagangan Singapura.

"Take away the colony and you would still have the garrison for purposes of the Fleet....
Take away the garrison and the colony will be ruined"....".²⁹

Rancangan penghantaran pasukan tentera Imperial dari Hong Kong sebenarnya bertujuan untuk mengurangkan bilangan anggota pertahanan di Singapura, amnya Negeri-Negeri Selat semasa berada di bawah pentadbiran British di India. Namun begitu, pergerakan tentera itu tidak dilaksanakan sehingga pada tahun 1869-1870. Pasukan *Ceylon Rifles* pula tidak ditubuhkan. Tugasnya telah digantikan oleh tentera dari

Regiment of Native India. Sungguhpun demikian, pihak koloni masih terpaksa membiayai kos pertahanan sebanyak £59,300 setahun.³⁰

Kerajaan Kolonial perlu mengadakan semua keperluan dan kemudahan bagi garisennya. Di samping itu, Kerajaan Kolonial turut mengambil alih berek-berek dan bangunan-bangunan tentera termasuk berek-berek di Tanglin yang sebelum ini dikendalikan oleh Kerajaan Imperial semenjak perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat.³¹ Dalam erti kata lain, semua pembayaran bagi sumbangan pertahanan, kos penyelenggaraan (*maintainance*) dan pemberian berek-berek akan dimasukkan ke dalam tabung Kolonial.³² Pada tahun 1871, anggaran perbelanjaan bagi pasukan pertahanan Negeri-Negeri Selat adalah sebanyak £91,600 (atau lebih tepat lagi £91,595). Koloni hanya perlu menampung kos sebanyak £51,600 (atau lebih tepat lagi £51,595), manakala baki sebanyak £40,000 diletakkan di bawah pembiayaan Kerajaan Imperial.³³ Pasukan pertahanan yang diusulkan oleh pihak *Colonial Contributions* terdiri daripada :-

- | | |
|-------------------------------|---------------|
| 1 Regiment European Infantry, | 916 all ranks |
| 1 Battery Royal Artillery, | 103 all ranks |

Pasukan tentera Eropah tersebut perlu berada dalam keadaan bersedia untuk digerakkan bagi memenuhi tugas dan tujuan Imperial.³⁴ Tambahan pula, pihak *Council of the Settlements* berpendapat Kerajaan Imperial perlu bertanggungjawab untuk memastikan dan

melindungi keselamatan serta kedudukan Pulau Singapura sebagai pusat komersial dan pelabuhan entrepot daripada pencerobohan atau serangan musuh.³⁵

Perbincangan turut dijalankan di antara pejabat pentadbiran di India dengan Pejabat Kolonial berkenaan persenjataan dan stor-stor tentera di Negeri-Negeri Selat.³⁶ Perpindahan pentadbiran koloni ke London turut melibatkan pengambil alihan pengurusan dan penyelenggaraan stor-stor tentera dari pihak berkuasa di India. *Madras Ordnance Department* telah menyerahkan stor-stor senjata kepada pihak Kerajaan Negeri-Negeri Selat yang bernilai £33,142,15.11.³⁷ Berikutan itu, Jabatan Pertahanan di India telah menuntut pampasan peralatan tentera tersebut yang bernilai antara £22,000 hingga £23,000 daripada pihak Imperial.³⁸ Pada tahun 1869, Kerajaan Kolonial telah mengambil alih atau membeli *Military Stores* dengan nilai £22,000 daripada pentadbiran British di India.³⁹ Tindakan-tindakan ini diambil untuk menyelaraskan tugas-tugas yang berkaitan dengan pertahanan koloni, khususnya Singapura.

Di samping itu, Pejabat Perang telah mengambil keputusan untuk tidak membiayai sebarang perbelanjaan ke atas *permanent armaments*, seperti kubu-kubu, peralatan pertahanan dan penyelenggaranya. Perkara berkenaan tidak termasuk dalam tanggungjawab Jabatan Pertahanan, sepetimana yang telah disusun oleh

Kerajaan Imperial. Segala perbelanjaan tersebut perlu ditanggung oleh pihak koloni.⁴⁰

Pada tahun 1878, kerja-kerja pertahanan yang telah dirangka memakan kos sebanyak £43,400. Pejabat Kolonial mencadangkan agar pihak koloni Negeri-Negeri Selat membuat sumbangan sebanyak £30,000 bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Walau bagaimanapun sumbangan berkenaan tidak dibuat. Sementara itu, kos kerja pertahanan Singapura pada tahun berkenaan adalah berjumlah sebanyak £32,216. Kos persenjataannya pula ialah £24,653. Daripada jumlah £56,869 ini, pihak koloni hanya membiayai sebanyak £6,891. Bakinya sebanyak £49,978 lagi ditampung oleh Kerajaan Imperial. Dalam erti kata lain, Kerajaan Imperial membiayai lebih $\frac{2}{3}$ daripada jumlah perbelanjaan kerja pertahanan koloni.⁴¹

Military Contribution yang disumbangkan oleh Singapura dari tahun 1877 sehingga 1879 adalah sebanyak \$235,976.40 (kira-kira £50,000) setahun.⁴² Sementara jumlah perbelanjaan Pejabat Perang untuk pertahanan Pulau Singapura sebagai pembiayaan kemudahan bangunan tentera dari tahun 1878 hingga 1884 pula ialah kira-kira £22,815.⁴³ (Lihat Jadual 3.3)

Jadual 3.3 : Menunjukkan jumlah perbelanjaan kemudahan tentera yang ditampung oleh Pejabat Perang dari tahun 1878 hingga 1884.

Tahun	pound sterling
1878/79	14,372
1879/80	4,851
1880/81	1,568
1881/82	539
1882/83	750
1883/84	735
Jumlah	22,815

Sumber : CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 12 Ogos 1887, desp. War, ff. 547-552.

Kesimpulannya, isu pembiayaan kerja pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya sentiasa menjadi kontroversi antara pihak Imperial dan Kolonial. Pihak Kolonial mendakwa Singapura penting kepada Imperial disebabkan oleh faktor komersial dan strategiknya. Pihak Imperial pula mengatakan kepentingan serta kemakmuran pulau ini sangat bergantung kepada kelebihan perlindungan yang ditawarkan oleh faktor garisen dan pertahanan. Oleh sebab itu, tanggungjawab ini harus dipikul oleh Kolonial. Sungguhpun terdapat pelbagai perbalahan dan tanggapan dibuat, namun kerja-kerja pertahanan tetap dilaksanakan selaras dengan pembangunan dan kepentingan pelabuhan dan stor arang batunya.

3.3 Kemajuan Perlaksanaan Pertahanan Pulau Singapura Dan Wilayahnya

Dalam tempoh tahun 1867 hingga 1884, kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya telah dipertingkatkan. Ini termasuklah pembinaan kerja pertahanan baru seperti di Tanjong Katong⁴⁴, perletakan senjata, barisan *battery* dan garisen. Malahan pihak perancang pertahanan Singapura juga telah memasang sistem senjata periuk api di jalan-jalan masuk ke pelabuhan semenjak tahun 1881 lagi. Walaupun pada keseluruhannya Pejabat Kolonial bertanggungjawab membina kerja-kerja pertahanan, pihak Imperial dengan nyata telah mengambil alih beberapa kerja pertahanan yang lebih strategik di Singapura.

Dalam merangka kerja-kerja pertahanan Pulau Singapura, terdapat dua perkara pokok yang timbul dan perlu dipertimbangkan. Pertama, berkenaan bentuk pertahanan yang sesuai bagi menghadapi pemberontakan penduduk tempatan. Keduanya, berkenaan langkah keselamatan untuk menghadapi sebarang gangguan terhadap aktiviti perdagangan. Di samping itu, satu bentuk pertahanan laut atau *floating defences* turut diperlukan untuk menangkis serangan musuh.

Bagi perkara yang pertama, kedudukan kubu pertahanan Fort Canning di Government Hill yang berhampiran dengan kawasan

kediaman penduduk berbangsa Eropah berupaya menawarkan perlindungan. Kubu pertahanan ini perlu dikekalkan sebagai tempat berlindung bagi para penduduk dan pedagang Eropah di Pulau Singapura semasa menghadapi pemberontakan atau kekacauan dalam negeri. Sementara bagi perkara yang kedua pula, ianya perlu difikirkan untuk dua tujuan utama, iaitu perlindungan kepada *outer roadstead* dan pelabuhan (New Harbour).⁴⁵

Terdapat tiga pasukan *battery* yang diarah mengendalikan pertahanan di *outer roadstead*. Ia terdiri daripada pasukan pertahanan di Fort Canning, Fort Fullerton dan Mount Palmer Battery. Namun demikian, didapati kerja-kerja pertahanan berkenaan kurang berkemampuan untuk memberikan tentangan terhadap serangan musuh. Ini merujuk kepada kedudukan *sea battery* di Fort Canning. Pasukan *battery* ini terletak hampir 2,300 ela dari *line* tersebut. Tembakan meriam dari pasukan-pasukan berkenaan mempunyai kebarangkalian besar tersasar dan mengenai kapal-kapal milik British yang sedang berlabuh di *roadstead*.⁴⁶

Sehingga tahun 1869, pasukan-pasukan *battery* di Fort Canning, Fort Fullerton dan Mount Palmer telah dilengkappkan dengan meriam-meriam 68 pounders dan 56 pounders. Ia merupakan senjata yang paling efisien semasa dihantar ke Singapura. Sir Francis Drummond Jervois, Timbalan Jeneral Inspektor Pertahanan telah mengusulkan

beberapa pasukan *battery* yang telah ditempatkan di *roadstead* diketepikan sahaja. Sementara itu, Kerajaan Inggeris di Pulau Singapura pula telah menunjukkan minat untuk memperolehi kawasan Fort Fullerton dengan tawaran nilai pembelian sebanyak £10,000 hingga £20,000. Wang tersebut kelak boleh disumbangkan kepada projek-projek pertahanan lain seperti di Fort Canning.⁴⁷

3.3.1 Kepentingan Kerja-kerja Pertahanan Singapura

"Singapore, both strategically and politically is of greater importance to us than Hong Kong".⁴⁸

Kenyataan di atas telah menunjuk dan membuktikan bahawa kepentingan Singapura semakin menjadi perhatian utama Kerajaan Imperial. New Harbour yang terletak kira-kira dua batu dari pusat bandar Singapura menjadi perkara pokok dalam merangka dan melaksanakan kerja-kerja pertahanan. Ia dianggap sebagai salah satu laluan perdagangan dan pelabuhan yang terbaik di dunia. Alternatif laluan lain yang menyambung jalan perdagangan ke Timur ialah Selat Sunda. Selat ini terletak lebih ke selatan dari Selat Singapura. Laluannya didapati lebih sukar dilayari dan *circuitous* bagi pelayaran kapal.⁴⁹

Untuk melindungi New Harbour dan membantu menguatkan pertahanan *floating defences*, Jervois telah mengusulkan pembinaan sebuah

perkubuan yang agak kecil bagi menempatkan enam laras meriam di Mount Faber.⁵⁰ Gabenor Sir Harry Ord pula mencadangkan sebuah *battery* dengan empat laras meriam berukuran lilit 8 inci ditempatkan di Pulau Belayar. Senjata ini boleh mengawasi pintu masuk ke pelabuhan di sebelah barat. Beliau turut mengusulkan perletakan empat laras meriam 56 pounder di Sandy Point. Tujuannya adalah untuk mengawasi dan meningkatkan pertahanan di kawasan kapal-kapal berlabuh.⁵¹

Arang batu di kawasan pelabuhan akan menjadi faktor utama tumpuan serangan pihak musuh ke atas Pulau Singapura. Sekiranya depot-depot ini tidak dilindungi, pihak musuh dengan mudah dapat menawan dan merampas arang batu untuk kegunaan mereka. Sementara bekalan yang selebihnya akan dimusnahkan. Kemudahan limbungan, dermaga dan lain-lain peralatan perkapalan akan turut termusnah dalam serangan tersebut.

Pejabat Kolonial turut prihatin terhadap keselamatan bandar Singapura. Bandar boleh dibahagikan kepada dua kawasan yang dipisahkan oleh Sungai Singapura. Di tebing sebelah kanannya merupakan kawasan komersial dan pusat perniagaan pedagang Eropah serta bank-bank perdagangan British. Di sebelah kirinya pula adalah kawasan penempatan para pedagang tempatan. Di kawasan yang mengadap ke laut iaitu *in the open space between these two business centres* terdapat pejabat-pejabat

Kerajaan, mahkamah, *Town Hall*, *Cathederal*, hotel-hotel dan kedai-kedai Cina serta gudang-gudang gambir. Pearl's Hill dan Fort Canning merupakan kedudukan pertahanan yang terbaik untuk mengawasi keselamatan bandar Singapura.⁵²

3.3.2 Meningkatkan Keupayaan Pertahanan

Pada tahun 1870-an, kesinambungan melaksana dan merangka kerja-kerja pertahanan masih terus dijalankan. Walau bagaimanapun, kali ini ia lebih tertumpu kepada usaha melindungi New Harbour dan laluan masuk ke pelabuhan. New Harbour amat penting kepada perdagangan Britain. Kerja-kerja pertahanan New Harbour juga bertujuan melindungi bandar Singapura.


Pada peringkat awal, aktiviti perdagangan dan peranan pelabuhan muara Sungai Singapura lebih merupakan sebagai pusat pengumpulan hasil-hasil tempatan. Limbungan atau dermaga begitu kurang diperlukan. Sejarah Pelabuhan Singapura sendiri membuktikan bahawa kegiatan perdagangan dan perkapalan dilakukan di *open roadstead* di hadapan bandar Singapura.⁵³ Namun, dengan adanya limbungan dan dermaga serta depot-depot arang batu di kawasan New Harbour, maka kerja-kerja pertahanan sangat penting untuk dibangunkan. Malahan, keselamatan ke atas depot-depot arang batu ini akan membolehkan

angkatan laut Imperial menguasai perairan di kepulauan ini. Di samping itu, pihak angkatan laut ini juga berupaya menawarkan perlindungan kepada *floating commerce* dan tanah-tanah jajahan mereka.

Satu perkubuan telah dibangunkan di Tanjong Katong pada tahun 1878. Ia bertujuan melindungi kepentingan kedua-dua pihak Imperial dan koloni di *roadstead* dan bandar Singapura.⁵⁴ Kedua-dua pentadbiran ini berganding bahu dalam membangunkan kerja-kerja pertahanan Singapura. Pasukan *battery* di Tanjong Katong merupakan satu-satunya kerja pertahanan di sebelah kiri *roadstead*. Ia boleh membantu kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan di Mount Palmer dan Blakang Mati East. Ia berbeza dengan kerja-kerja pertahanan lain kerana dibangunkan di tanah pamah. Sasaran tembakan *battery* di Tanjong Katong mengarah ke kapal musuh yang menghampiri Pelabuhan Singapura melalui laluan di sebelah timur antara Outer Shoal dan pantai Pulau Singapura. Skuadron musuh akan terdedah kepada tembakan daripada tiga laras meriam yang berukuran lilit 7 inci yang ditempatkan di pasukan *battery* Tanjong Katong.⁵⁵

Di samping itu, kerja-kerja pertahanan lain juga mula dirangka dan dilaksanakan di Mount Siloso di Pulau Blakang Mati. Mount Siloso adalah sebuah bukit dengan ketinggian 153 kaki. Ia dikenali sebagai sebahagian daripada *western defences*. Perkubuan Mount Siloso mengawasi

Peta 3.1 Tanjong Katong Battery (Dilukis semula)




Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

jalan masuk dari sebelah barat ke New Harbour. Lebar laluan tersebut kira-kira 260 elai. Laluan ini hanya dilindungi oleh satu pasukan *battery* di sebelah utara Pulau Blakang Mati bersama dengan satu barisan periuk api. Periuk api tersebut terdiri daripada lapan 500lb *ground mines* dan enam 100lb *electro contact mines*. Dalam tahun 1881, meriam-meriam yang terdapat di sebelah kiri *battery* Mount Siloso terdiri daripada dua laras meriam 64 pounder dan tiga laras meriam berukuran lilit 7 inci dengan *gun firing through 70° and 120°*. Senjata-senjata tersebut mengawasi zon dari hadapan Pulau Blakang Mati hingga ke kawasan laluan masuk. Di sebelah kanannya pula, terdapat dua laras meriam yang juga mengawasi seluruh kawasan jalan masuk. Sementara di bahagian tengah *battery*, terdapat dua laras meriam 64 pounders *en-barbette*. Senjata-senjata ini turut mengawasi atau mempunyai sasaran tembakan di kawasan periuk api dan *having an all round fire.*⁵⁶

Sementara itu kerja-kerja pertahanan di sebelah kiri (*eastern defences*), terdiri daripada dua pasukan *battery* yang ditempatkan di sebelah timur Pulau Blakang Mati dan di Mount Palmer serta sebuah *redoubt* di Mount Serapong. Ia bertujuan untuk melindungi jalan masuk ke New Harbour. Di samping itu, satu lagi pasukan *battery* di Tanjong Katong turut membantu pertahanan dan melindungi *roadstead* dan bandar Singapura. Persenjataan bagi *battery* di Blakang Mati East adalah terdiri daripada

Peta 3.2 Mount Siloso Battery, Pulau Blakang Mati (Dilukis semula)




Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

empat laras meriam *7 inch MLR of 6 ½ tons* dan dua laras meriam 64 pounders. Keempat-empat meriam 7 inci tersebut disusun dalam jarak 80 kaki di antara satu sama lain dan dalam kedudukan *two faces, having an angle at the salient of 148°*. Sementara itu, meriam 64 pounders diletakkan di kedua-dua sisi *battery* tersebut.⁵⁷

Kawasan pemasangan periuk api yang ditempatkan di laluan ini pula terdiri daripada *8 ground mines of 500lbs* dan *electro contact mines of 100lbs*. Sementara itu *redoubt* di Mount Serapong, Pulau Blakang Mati pula merupakan *a small infantry work* untuk mengawasi dan mengelakkan pencerobohan tentera atau penembak dari pasukan musuh. Ia boleh mengawasi kawasan atau jarak sejauh 160 ela dari Blakang Mati East dan jarak sejauh 800 ela dari *battery* tersebut.

Ia turut dibantu oleh *battery* di Mount Palmer yang terletak tidak jauh dari pintu masuk ke New Harbour. Kerja pertahanan ini mantap dan dilengkapi dengan *musketry fire*. Persenjataannya terdiri daripada tiga laras *7 inch MLR of 6 ½ ton* dan dua laras meriam 65 pounder. Meriam berukuran lilit 7 inci ini boleh melepaskan tembakan ke arah kapal musuh yang menghampiri kawasan di sebelah timur *anchorage*. Sementara itu, arah sasaran meriam 64 pounder pula menghala ke kapal musuh yang cuba menghampiri kawasan di sebelah barat *anchorage*.⁵⁸

Peta 3.3 Pulau Blakang Mati (Pulau Blakang Mati Battery dan Mt. Serapong Battery) (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

Peranan pertahanan New Harbour juga menawarkan perlindungan kepada bandar Singapura. Di samping itu ia turut membantu menguatkan pertahanan Tanjong Katong dan di timur Pulau Blakang Mati serta sebuah *infantry redoubt* di Serapong, Mount Siloso dan Mount Palmer.⁵⁹ Pihak perancang pertahanan telah mencadangkan penggunaan *7 inch muzzle-loading rifled guns* bagi memantapkan lagi kerja pertahanan. Mereka mengusulkan agar senjata ini ditempatkan di Mount Palmer, Fort Fullerton dan di *roadstead*.⁶⁰

Bilangan meriam	Tempat
4	Mount Palmer
4	Fort Fullerton
4	Pantai di utara roadstead

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

Senjata-senjata berkenaan dirancang untuk ditempatkan di *battery* yang bakal dibina serta kerja pertahanan di Mount Palmer. Tujuannya adalah untuk mengawasi *roadstead*. Kerja pertahanan ini akan turut dibantu oleh pasukan pertahanan dan senjata di Fort Fullerton untuk bersama-sama melindungi kawasan *anchorage*.

Sehingga tahun 1871, jenis-jenis senjata yang terdapat di kubu-kubu pertahanan Singapura terdiri daripada meriam 68 pounder, 56

pounder dan mortar.⁶¹ (Lihat Jadual 3.4) Sungguhpun demikian, senjata-senjata tersebut dirasakan kurang cekap dan efisien untuk melindungi kepentingan Imperial ini. Keselamatan di kawasan *anchorage* masih lemah serta terdedah kepada serangan dan pencerobohan musuh. Perkara ini harus dipertimbangkan sebaik-baiknya untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya serangan. Oleh itu bagi memantapkan kerja-kerja pertahanan

Jadual 3.4 : Kubu-kubu pertahanan dan persenjataannya hingga tahun 1871.

Kedudukan	Bilangan dan jenis senjata
Fort Fullerton	9 - 68 pounders
Mount Palmer	5 - 56 pounders
Mount Faber	2 - 68 pounders 2 - 13 inci mortar
Fort Canning	3 - 18 inci mortar 3 - 13 inci mortar 7 - 63 pounders

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

di Pulau Singapura dan wilayahnya, pihak perancang pertahanan telah mengusulkan beberapa pengubahsuaian ke atas jenis persenjataan di kubu-kubu pertahanan di Mount Siloso, Blakang Mati East Battery dan Tanjong Katong Battery.⁶² Pengubahsuaian ini melibatkan jumlah dan jenis senjata yang difikirkan mampu untuk memantap dan meningkatkan

kekuatan barisan *battery* tersebut.

Walaupun pihak perancang pertahanan telah mencadangkan pengubahsuaian senjata pasukan tersebut, namun mereka masih tidak berpuas hati dengan keselamatan yang ditawarkan. Imperial telah mengutarakan beberapa rancangan pembinaan kerja-kerja pertahanan yang baru lebih daripada kemampuan peruntukan pembiayaan Kolonial. Rancangan pertahanan ini dinamakan *Sea Fort*. Pelan pertahanan *Sea Fort* melibatkan pembinaan kerja-kerja pertahanan di Pasir Panjang dan *on the 2 ½ fathom patch*, iaitu kawasan yang mengadap ke *roadstead* di luar pantai Pulau Singapura.⁶³

Jadual 3.5 : Kubu-kubu pertahanan dan persenjataan hingga tahun 1881.

Kerja pertahanan	Persenjataan
Fort Mount Siloso	2 armour piercing gun 1 - 64 pounder gun
Blakang Mati East Battery	5 armour piercing gun 1 - 64 pounder gun 2 - 7 inches guns 1 - rifled howitzer
Tanjong Katong Battery	3 armour piercing guns (menggunakan 3 - 7 inches of 7 ton guns)

Sumber : CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.


Jadual 3.6 : Menunjukkan bentuk persenjataan yang sedia ada dan yang dirancang di kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya.

Kubu	sedia ada	rancangan	baru
Mt. Siloso	3-7 in. 64 tons 2-64 pounders	2-9 in. of 12tons 4-7 in. of 6 1/2tons	2-9 in. of 12tons
Pasir Panjang	tiada	2-9 in. of 12tons 1-64 pounders	2-9 in. of 12tons
Blakang Mati South	tiada	1-9 in. of 12tons 3-7 in. of 7 tons	1-9 in. of 12tons
Blakang Mati East	4-7 in. of 6 1/2tons 2-64 pounders	4-9 in. of 12tons 3-64 pounders	4-9 in. of 12tons
Mt. Palmer	3-7 in. of 6 1/2tons 2-64 pounders	3-7 in. of 6 1/2tons 2-9 in. of 12tons	2-9 in. of 12tons
Jumlah	16	25	11 of 9 inches

Sumber : CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.

Pelan Pasir Panjang Battery melibatkan pembinaan sebuah perkubuan bagi mengawasi keselamatan di sebelah barat jalan masuk ke New Harbour. Ia dijangka memerlukan lima laras meriam. Tiga laras daripadanya mungkin terdiri daripada *armour piercing guns* (senjata yang boleh menembusi kepingan logam setebal 8 inci pada jarak tembakan sejauh 3,000 ela) yang ditempatkan di tengah-tengah kubu. Dua laras lagi boleh terdiri daripada jenis 64 pounder. Pasir Panjang Battery boleh membantu mengawasi perairan pantai Singapura. Ia akan menambahkan bilangan das tembakan meriam ke arah jalan masuk ke pelabuhan.⁶⁴

Peta 3.4 Pasir Panjang Battery (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

Jumlah senjata yang sedia ada tersebut kemudiannya ditambahkan lagi dengan dua *redoubt*, iaitu satu di Mount Imbeah dan satu lagi di Mount Serapong. Dalam rancangan persenjataan di atas, beberapa laras meriam akan dipindahkan dari satu kubu ke satu kubu pertahanan yang lain bagi memantapkan keupayaan pertahanan Singapura. Satu laras meriam berukuran lilit 7 inci dari kubu di Blakang Mati East dirancang untuk ditempatkan di Mount Siloso. Dua laras meriam 64 pounder dari Mount Palmer akan dipindahkan ke Pasir Panjang dan ke Blakang Mati East. Di samping itu, tiga laras meriam berukuran lilit 7 inci dirancang untuk dipindahkan ke kubu pertahanan di Blakang Mati South.⁶⁵

Kerja-kerja pertahanan Singapura ini seterusnya diperkuatkan dengan bantuan angkatan kapal laut British dan *gunboats*. Kehadiran kapal-kapal bersenjata Imperial adalah penting kerana kerja-kerja pertahanan yang telah dibangunkan masih lagi dianggap lemah. Kekurangan ini boleh membantutkan hasrat Imperial untuk menjadikan Pulau Singapura sebagai "*Malta of the East*".

3.3.3 *Floating Defences*

Pihak Imperial menyedari tentang keperluan kehadiran angkatan laut mereka di Singapura. Namun, dalam masa yang sama mereka juga perlu bijak membahagikan kedudukan atau operasi angkatan

lautnya di tanah jajahan yang lain di Timur. Dalam membincangkan kemungkinan serangan musuh ke atas tanah jajahan British di Timur, pihak perancang pertahanan berpendapat skuadron laut boleh dikekalkan di pengkalan-pengkalan laut di India dan China. Mereka percaya pihak musuh tidak akan membuat serangan yang hebat ke atas Negeri-Negeri Selat.⁶⁶

Pada tahun 1870-an, kuasa-kuasa penjajah di Eropah dan Timur mula mempergiatkan aktiviti dan kemampuan angkatan laut mereka. Kerajaan Imperial yang peka dengan perkembangan ini telah mengambil tindakan pantas dengan membuat perbincangan di kalangan *Commanding Officers*, gabenor-gabenor dan Kerajaan Kolonial. Mereka membincangkan tentang keselamatan dan perancangan kerja-kerja pertahanan untuk melindungi kepentingan dan tanah jajahan British di Timur.

Justeru itu, meriam dan senjata periuk api dihantar ke Singapura dengan kapal wap yang laju. Penghantaran senjata-senjata tersebut dapat menguatkan tahap keselamatan pulau tersebut di samping melindungi stor arang batunya. Peruntukan wang turut disediakan bagi memulakan kerja-kerja pertahanan. Kapal-kapal bersenjata yang baru juga dihantar ke pulau ini untuk menggantikan kapal bersenjata yang diperbuat daripada kayu.

Floating defences telah menjadi isu penting dalam merangka kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura. Kepentingan pertahanan ini boleh dibahagikan kepada tiga faktor. Pertama, ialah dengan mengkaji keperluannya kepada sesuatu bentuk pertahanan. Kedua, membincangkan bentuk *floating defences* tersebut. Perkara ketiga ialah dengan mengkaji peranannya dalam meringankan tugas yang dipikul oleh kerja-kerja pertahanan yang dibina di darat.

Pada awal tahun 1880-an, komandan kapal "HMS Egeria", C. Johnstone pernah menyuarakan kebimbangannya terhadap keselamatan di pintu masuk sebelah barat New Harbour. Ia dianggap masih terdedah kepada pencerobohan musuh. Tambahnya lagi keadaan topografi Pulau Singapura merupakan satu kelemahan yang ketara dalam melaksanakan kerja-kerja pertahanannya.⁶⁷

Pihak musuh boleh melancarkan serangan dari pelbagai sudut. Mereka juga boleh berlabuh dan mendaratkan anggota tentera di luar kawasan jangkauan tembakan meriam *battery* British. Di samping itu, pihak musuh dengan mudah boleh melancarkan serangan ke atas Tanjong Katong. Kawasan ini mempunyai kedudukan yang agak terpisah dan berada di luar jangkauan tembakan meriam dari pasukan *battery*. Tambahan pula, pulau-pulau yang berselerakan di luar pantai Singapura boleh menjadi ruang terbaik bagi pendaratan musuh untuk menyusun

rancangan pencerobohan ke atas pulau tersebut dan stor-stor arang batunya di New Harbour. Johnstone berpendapat penggunaan bot-bot bersenjata bersaiz kecil kelas "Staunch" yang membawa *heavy guns* boleh menjadi pilihan terbaik untuk meningkatkan pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya.⁶⁸ Bentuk pertahanan mudah gerak atau lebih dikenali sebagai *floating defences* merupakan satu kelebihan untuk memantapkan lagi pertahanan pulau tersebut.

Dengan melindungi depot-depot arang batu di Singapura, pihak musuh akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan bakar tersebut. Mereka akan lebih berhati-hati dan mengelakkan tembakan barisan *battery* pantai. Tambahan pula kedudukan musuh yang jauh dari *friendly port* mereka akan menyukarkan penghantaran bantuan. Sementara itu, kepentingan pulau ini sebagai sebuah stesen arang batu telah menyebabkan Perancis membangkitkan satu usul untuk memotong Isthmus Kra. Alasan mereka ialah ia akan memendekkan masa pelayaran selama tiga hari jika tidak menyusuri Semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Singapura.⁶⁹

Perancangan dan perlaksanaan *floating defences* banyak menimbulkan percanggahan pendapat di kalangan Imperial dan Kolonial. Pihak Imperial mencadangkan agar perbelanjaan pengubahsuaian senjata dan kerja-kerja pertahanan dikurangkan bagi membolehkan *floating*

defences dilaksanakan. Bagi pihak Kolonial pula, perbelanjaan mengadakan *floating defences* ini amat membebankan koloni Negeri-Negeri Selat berbanding dengan pembinaan barisan *battery* dan kubu pertahanan atau *permanent works*.⁷⁰

H.C. McCallum iaitu seorang pegawai pemerintah tentera berpendapat bahawa bentuk pertahanan terbaik bagi melindungi Singapura ialah dengan menggabungkan sistem pertahanan tetap, *floating defence* dan senjata periuk api. Ia secara langsung boleh mengurangkan penggantungan terhadap bilangan tentera yang ramai. Malahan, ia akan meningkatkan sistem pertahanan menjadi lebih efektif dan cekap.⁷¹ Dengan itu, perlindungan yang terbaik akan dapat diberikan kepada New Harbour, depot-depot arang batu dan bandar Singapura.

As regards Singapore, although there is no great naval establishment there, the merchantile docks in the harbour are available for, and it is essential, for naval purpose, that these should be efficiently protected.⁷²

Pendek kata, penguasaan musuh ke atas depot-depot arang batu akan memudaratkan sistem pertahanan Singapura. Ini kerana sebelum angkatan laut Imperial dapat bertindak dan menggerakkan pertahanannya, musuh sudah melarikan diri. Pertahanan Imperial menghadapi kesukaran untuk mengejar mereka ekoran kekurangan bekalan bahan api tersebut. Keadaan akan menjadi bertambah rumit kerana depot arang batu British

yang paling hampir terletak di Hong Kong dan Ceylon. Jarak kedua-dua pengkalan arang batu ini kira-kira 1,500 batu dari Pulau Singapura.⁷³

Menurut C. Johnstone, *floating defences* perlu dilengkapi dengan sekurang-kurangnya empat laras meriam berukuran lilit 8 inci dan dua buah bot torpedo. Untuk meningkatkan keupayaan tembakan dan sasaran meriam, dua buah *turret ship* yang kecil perlu ditempatkan bagi mengawasi kawasan pelabuhan. Jenis *turret ship* terbaru iaitu "Gorgon" dengan setiap satunya membawa dua laras meriam dirasakan sesuai untuk memikul tugas tersebut. Bot bersenjata ini mampu bergerak di kawasan air yang agak cetek serta mempunyai kelajuan 10 knot. Menurut beliau lagi, komponen-komponen *gunboat* kelas "Staunch" boleh dibuat di England dan dipasang di Singapura.⁷⁴

Dalam kemungkinan serangan kapal-kapal perang musuh, tambahan *heavy guns* boleh diangkut dan ditempatkan di lokasi-lokasi yang difikirkan strategik. *Gunboat* kelas "Staunch" boleh membantu pasukan pertahanan di Mount Siloso dan Blakang Mati East. Ia boleh mengawasi kawasan di antara Tanjung Katong dan Mount Palmer serta membantu meningkatkan keupayaan pertahanan kedua-dua perkubuan di lokasi berkenaan.⁷⁵

Namun begitu, kemungkinan terdapatnya kapal-kapal musuh yang berjaya membolosi pengawasan kubu pertahanan British ini memang

tidak dapat diketepikan. Kapal perang atau skuadron musuh boleh memusnahkan dan menawan depot-depot arang batu dan kapal dagang yang sedang berlabuh. Dalam hal ini, *floating defences* dan barisan *battery* pantai dirasakan berupaya menawarkan perlindungan kepada Negeri-Negeri Selat khususnya bandar Singapura dan kawasan *anchorage*.⁷⁶

Pada tahun 1881, Lieut. E.F. Rhodes, *Commanding Royal Engineer*, mengusulkan bot-bot torpedo jenis "Whitehead" dan bot-bot pengawal pantai (*Guard Boats*) disediakan bagi pertahanan *floating defences*. Sementara itu, empat buah *local launches* disediakan dengan *spar torpedo* untuk memusnahkan kapal-kapal musuh. Empat buah bot pengawal pantai diperlukan untuk membantu pertahanan di kawasan periuk api. *Out-rigger torpedo gear* dan *machine guns* juga perlu disimpan di dalam stor bagi kegunaan alat pelancar meriam dan bot-bot pengawal.⁷⁷

Sehingga awal tahun 1880-an, satu skuadron British yang terdiri daripada *a large corvette of some 2,000 tons* yang mengangkut 14 laras meriam, dua buah *clippers* dengan setiap satunya seberat 1,100 tan dan dilengkapi dengan lapan laras meriam serta dua atau tiga buah kapal bersenjata yang kecil telah dihantar ke Singapura untuk melengkapkan *floating defences*. Sebagai tambahan lagi, dua atau lebih skuadron kapal perang perlu diadakan untuk mengawal di Lautan China dan Pasifik. Ini bagi membolehkan kapal-kapal tersebut belayar dan mengawasi beberapa

bubah pelabuhan seperti Vladivostok dan Saigon.⁷⁸ Dengan itu, penguasaan dan kekuatan angkatan laut British ini tidak diragui oleh kuasa-kuasa maritim lain dan bebas bergerak mengawasi kepentingan-kepentingan Imperial.

Peningkatan kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya turut melibatkan kehadiran anggota tentera. Anggota pertahanan ini bukan sahaja penting sebagai sebuah pasukan infantri. Mereka juga terlibat dalam mengendalikan senjata-senjata yang telah ditempatkan di beberapa kedudukan strategik di pulau ini. Malah, kehadiran anggota-anggota pertahanan tersebut menjadi satu jaminan kepada ketenteraman dan kemakmuran Pulau Singapura dari ancaman kacau bilau penduduk tempatan. Dalam hal ini juga, percanggahan pandangan berlaku di antara pertahanan Imperial dengan Kolonial.

3.4 Posisi Anggota Pertahanan

Selepas "Perpindahan 1867", bilangan anggota tentera yang berkhidmat di Negeri-negeri Selat, khususnya di Singapura telah dikurangkan. Ini disebabkan oleh usaha Kerajaan Kolonial untuk mengurangkan pembiayaan kehadiran anggota tentera di koloni berkenaan. Namun begitu, sebagaimana dalam perkara kerja-kerja pertahanan, isu pembiayaan anggota tentera ini telah dibahagikan kepada dua pihak. Bagi

pasukan tentera berbangsa Eropah yang ditempatkan di Singapura dibawah *Imperial purposes*, pembiayaan serta kemudahan yang disediakan bagi pasukan ini ditanggung oleh Kerajaan Imperial. Anggota-anggota pertahanan yang berkhidmat untuk melindungi Pulau Singapura dibiayai sendiri oleh Kerajaan Koloni Negeri-Negeri Selat.⁷⁹ Pulau Singapura telah dipilih sebagai *Head Quarters* bagi pergerakan pasukan tentera ke Negeri-Negeri Selat.⁸⁰ Fort Canning menjadi pusat artileri koloni bagi anggota pasukan pertahanan tersebut di koloni ini.⁸¹

3.4.1 Posisi Anggota Pertahanan Sehingga Tahun 1884

Bilangan atau komposisi tentera di Negeri-Negeri Selat, khususnya di Singapura yang disarankan oleh H. Robinson pada tahun 1863-64 terdiri daripada :-

3 batteries of Royal Artillery
1 Native Infantry regiment

dengan jumlah anggota kedua-dua pasukan seramai 1,414 *of all ranks*.⁸² Semasa pertimbangan mengenai soal-soal perpindahan pentadbiran koloni pada tahun 1866, kekuatan tentera yang diputuskan terdiri daripada :-

2 batteries, Royal Artillery
6 companies, Ceylon Rifles

Kekuatan tentera pertahanan Kolonial ini juga ditingkatkan dengan tambahan satu pasukan dari regimen infantri Imperial yang berpengkalan

di Hong Kong. Ia menjadikan pasukan pertahanan berada dalam kedudukan yang lebih bebas dan mudah digerakkan pada bila-bila masa yang diperlukan.⁸³

Setelah perpindahan tersebut dilaksanakan pada 1hb. April 1867, pengawasan atau penguatkuasaan keputusan pentadbiran lebih bergantung kepada Gabenor yang dilantik oleh Kerajaan British di England. Namun begitu, dalam hal berkenaan pertahanan dan ketenteraan, ia masih lagi dikekalkan di bawah pentadbiran British di India dengan penyelarasan dari Pejabat Perang di London.⁸⁴

Pejabat Perang telah mengarahkan Setiausaha Kerajaan British di India supaya menghentikan penghantaran *Native Indian Regiment* yang sedang berkhidmat di koloni. Pengunduran tersebut turut melibatkan dua *companies* yang dihantar ke Labuan. Di samping itu, terdapat juga rancangan pengunduran empat *companies Ceylon Rifle* dari Hong Kong untuk berkhidmat di Singapura. Langkah ini diharap dapat mengatasi kelemahan atau ketidakcekapan pasukan tentera *Native* yang ditempatkan di koloni berkenaan.⁸⁵

Ketika perpindahan pentadbiran pada tahun 1867, garisen koloni terdiri daripada :-

3 batteries of Royal Artillery
2 regiment of Native Infantry

dengan jumlah anggota seramai 1,811 *of all ranks* (anggota lain-lain

pangkat). Bilangan ini didapati melebihi daripada apa yang pernah diusulkan oleh Robinson.⁸⁶ Anggota-anggota pertahanan berkenaan diagih-agihkan untuk berkhidmat di Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan Labuan.⁸⁷ Tanglin di Singapura telah menjadi *Head Quarters* bagi pasukan *2nd European Regiment*.

Singapura	3 companies Ceylon Rifle 1 ½ Battery Royal Artillery
Pulau Pinang	2 companies Ceylon Rifle ½ Battery Royal Artillery
Melaka	1 company Ceylon Rifle
Labuan	2 companies Ceylon Rifle

Sumber : CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 25 Jun 1867, desp. War, ff. 269-278.

Empat tahun selepas perpindahan pentadbiran dari India ke London iaitu pada bulan Julai 1871, Pejabat Kolonial telah mencadangkan satu jawatankuasa ditubuhkan untuk mengatasi perselisihan pendapat antara Pejabat Perang dengan pihaknya. Ia berkenaan dengan jumlah dan komposisi tentera yang ditempatkan di Negeri-Negeri Selat, khususnya di Pulau Singapura. Tambahan lagi Singapura merupakan satu kepentingan strategik yang tidak ternilai kepada Kerajaan Imperial.⁸⁸

Beberapa perbincangan turut diadakan di antara Gabenor, Pejabat Kolonial dan Pejabat Perang pada tahun 1871. Perbincangan

tersebut adalah berkenaan komposisi tentera *European Regiment*, *Native Infantry Regiment* dan *Royal Artillery* yang ditempatkan di Negeri-Negeri Selat.⁸⁹ Anggota-anggota tentera tersebut akan terdiri daripada :-

- 1 Wing of European Regiment
- 1 Native Infantry Regiment
- 2 Batteries Royal Artillery

Dalam tahun 1871 juga, pihak perancang pertahanan telah membuat pertimbangan untuk mengurangkan bilangan anggota artileri dari dua pasukan *battery* kepada satu pasukan sahaja. Mereka berpendapat kehadiran satu pasukan *battery* itu sudah mencukupi. Ini kerana koloni dijangka akan menubuhkan satu pasukan pertahanan seramai 150 orang *Native* untuk membantu anggota artileri mengendalikan senjata semasa peperangan dan di waktu kecemasan.⁹⁰

Seorang pegawai dari pasukan *Royal Engineers* diperlukan untuk menyelaraskan kerja-kerja pertahanan torpedo. Sebagai tambahan, satu *detachment of two non-commissioned officers* diarah untuk membantu kerja-kerja berkenaan.⁹¹ Pada tahun tersebut, jumlah dan komposisi tentera di koloni ini telah dikurangkan.⁹² Anggota pertahanan yang berkhidmat di koloni dengan tumpuan ke atas Pulau Singapura terdiri daripada :-

- 1 battery of Royal Artillery
- A detachment of Royal Engineers
- 1 regiment of British Infantry
- 150 Native Artillery Militia
- A force of Military Police

Kesimpulannya, jumlah anggota pertahanan koloni selepas "Perpindahan 1867" dari tahun 1867 hingga 1871 mengalami kemerosotan.⁹³ (Lihat Jadual 3.7) Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa kehadiran anggota tentera tidak diberikan perhatian oleh pihak yang merangka pertahanan Negeri-Negeri Selat. Kemerosotan bilangan ini disebabkan oleh usaha mengurangkan bilangan anggota tentera di Pulau Singapura dan Negeri-Negeri Selat yang lain, terutamanya selepas pihak Kolonial mengambil alih pentadbiran koloni tersebut dari India.⁹⁴

Jadual 3.7 : Menunjukkan bilangan anggota pertahanan bagi Negeri-Negeri Selat bagi tahun-tahun 1867, 1869 dan 1871.

Tahun	Komposisi
1867	1,811 all ranks
1869	1,299 all ranks
1871	1,026 all ranks

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

Pada akhir tahun 1872, *detachment of the 80th Regiment* seramai 430 of all ranks yang berkhidmat di Pulau Singapura telah diundurkan. Tugas pasukan ini diambil alih oleh *detachment of 1st Battalion of the 10th Regiment* dari Hong Kong yang berjumlah seramai 389 of all ranks.⁹⁵ Pada tahun 1870-an, komposisi ini perlu disusun semula agar

kedudukan garisennya terdiri daripada 1 *Regiment of European Infantry* dan 1 *Battery of Royal Artillery*.⁹⁶

Daripada komposisi regimen infantri ini, dua pasukan boleh ditempatkan di Pulau Pinang. Mereka akan diarahkan untuk berkhidmat di Singapura sekiranya diperlukan. Sebagai tambahan, koloni juga menubuhkan pasukan militia yang terdiri daripada 70 orang sebagai anggota pertahanan dalam pasukan periuk api. Di samping itu, mereka juga merancang untuk memanggil 500 orang anggota Sikh dari Perak apabila kehadiran mereka diperlukan di Singapura.⁹⁷ Daripada tanah-tanah jajahan Inggeris yang lain seperti Melaka, Pulau Pinang dan Labuan, Singapura menjadi tumpuan bagi perkhidmatan anggota-anggota pertahanan koloni. Ini adalah selaras dengan peranannya sebagai pelabuhan dan depot arang batu Imperial.

Sehingga awal tahun 1880-an pula, Singapura masih lagi menjadi pusat gerakan tentera koloni Negeri-Negeri Selat dan kuasa Imperial. Menurut laporan Lieut. McCallum dari pasukan *Royal Engineers*, seramai 150 orang dari bahagian Sikh Laskar boleh ditubuhkan untuk membantu dua pasukan *European batteries* di Singapura. Di samping itu, turut diusulkan penubuhan pasukan *Militia* dengan dianggotai oleh 200 orang Eropah.

Bagi meningkatkan jumlah *the wing of the Regiment* untuk mengendalikan tugas pertahanan darat, tiga *companies of Native Rifles* perlu ditubuhkan. Ia dianggotai seramai *100 rank and file* bagi setiap *company*. Maka, komposisi anggota pertahanan yang akan berkhidmat di Singapura pada tahun 1880 berjumlah seramai 1,250 orang. (Lihat Jadual 3.8) Sementara 650 orang lagi terlibat dalam *sea defences*. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 1,900 orang.⁹⁸

Jadual 3.8 : Menunjukkan pembahagian anggota pertahanan yang terlibat dalam rancangan pertahanan darat di Pulau Singapura.

Pasukan	Bilangan anggota
Infantri	450
Artileri	150
Militia	200
Native Rifles	300
Armed Police	150
Jumlah	1,250

Sumber : CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.

Namun begitu, tentera yang terdapat di Negeri-Negeri Selatan pada tahun 1881 hanya terdiri daripada kira-kira 100 orang tentera artileri dengan beberapa orang pegawai dari pasukan kejuruteraan serta 800 hingga 900 tentera infantri. Pasukan artileri dan pasukan kejuruteraan

telah ditumpukan untuk berkhidmat di Singapura.⁹⁹

Pasukan artileri yang ditempatkan di Pulau Singapura akan mengendalikan *Field Guns* yang merangkumi senjata-senjata seperti meriam 64 pounder, *Howitzer* (meriam katak) dan lain-lain.¹⁰⁰

Bilangan	Senjata
1	12 pr Howitzer R.W.
2	4 1/4 inch Howitzer
1	64 pr gun
4 steel	7 pr MDR

Sumber : CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.

Jadual 3.9 di bawah menunjukkan bilangan tentera yang terlibat dalam mengendalikan kerja-kerja pertahanan di perkubuan-perkubuan di Singapura sehingga awal tahun 1880-an. Kerja-kerja pertahanan tersebut memberikan tumpuan pengawasan dan keselamatan kepada pelabuhan dan depot-depot arang batu di kawasan pelabuhan.

Jadual 3.9 : Menunjukkan bilangan tentera yang terlibat dalam mengendalikan kerja-kerja pertahanan yang sedia ada dan cadangan pertahanan sehingga tahun 1881.

Kerja Pertahanan	Bil. senjata	Bil. tentera yang kendalikan senjata	Bil. tentera yang terlibat dalam tugas Miscellaneous	Bil. tentera simpanan	Bil. tentera dalam pasukan battery	Bil. tentera Infantri	Bil. tentera Artilleri
P.Panjang	3	24	12	18	54	36	18
Mt. Siloso	5	56	28	12	126	84	42
Mt. Imbeah					50	50	
B.Mati South	4	32	16	24	72	48	24
B.Mati East	7	48	24	36	108	72	36
Mt. Serapong					25	25	
Mt. Palmer	5	40	20	30	90	60	30
Tg. Katong	6	48	24	36	108	72	36
Govt.Steamer	3	12			12	12	
JUMLAH				447	198		

Sumber : CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.

Anggota-anggota tentera ini penting dalam mengendalikan senjata dan kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya. Kehadiran anggota tentera berkenaan sama ada di bawah tujuan Imperial atau Kolonial, sentiasa mendapat perhatian daripada kedua-dua belah pihak termasuk kemudahan-kemudahan tentera. Misalnya pada bulan Mei 1867, Pejabat Perang telah menghantar pegawai-pegawaiannya ke koloni ini untuk membuat laporan tentang kemudahan berek. Sejumlah £14,000 diperuntukkan bagi melengkapkan berek-berek tersebut untuk penempatan anggota pertahanan atau garisen. Hampir keseluruhan peruntukan tersebut digunakan bagi berek-berek di Tanglin. Ini kerana berek-berek berkenaan masih tidak lengkap dan perlu diperbaiki untuk menempatkan *a wing of European Regiment.*¹⁰¹

Kemudahan-kemudahan tentera perlu disediakan bagi kebajikan anggota pertahanan yang ditempatkan di pulau ini dan wilayahnya. Dengan pertambahan bilangan tentera yang ditempatkan di sini, bermakna lebih banyak kemudahan yang perlu diadakan. *Apothecary* turut disediakan bagi keperluan anggota-anggota garisen yang berkhidmat di Singapura. Terdapat sebuah *apothecary* didirikan di Fort Canning dan tiga buah lagi di Tanglin.¹⁰² Tambahan pula kedudukan Singapura telah diangkat sebagai pusat atau ibu pejabat bagi tentera-tentera yang ditempatkan di koloni Negeri-Negeri Selat. Dengan persaingan kuasa-

kuasa Eropah lain yang berminat dengan rantau Melayu dan amnya dunia Timur, sudah pasti pihak Inggeris tidak akan bersifat tunggu dan lihat. Mereka perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

3.5 Kesimpulan

Perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat dari India ke London pada 1hb. April 1867 mencatatkan satu perubahan yang besar ke atas pembangunan koloni tersebut. Perpindahan ini telah membuktikan kepentingan koloni, khususnya Pulau Singapura dan wilayahnya kepada pihak Kolonial. Perpindahan tersebut juga bermakna koloni Negeri-Negeri Selat dapat berurusan secara langsung dengan pihak pentadbiran British di negara ibunda.

Pembentukan kerja-kerja pertahanan koloni telah menjadi perkara pokok dalam menggesa perpindahan tersebut. Sebagai syarat perpindahan, koloni sanggup membiayai segala perbelanjaannya sama ada kos pertahanan atau pembangunan. Sementara itu, pihak Imperial hanya perlu menanggung beban perbelanjaan bagi anggota dan kerja-kerja pertahanan yang memikul tugas *Imperial purposes* sahaja.

Sungguhpun perkara ini menjadi dasar kepada perpindahan pentadbiran koloni dari India ke London, namun pihak Imperial masih lagi membiayai sebahagian besar kos pertahanan, terutamanya yang

dilaksanakan di Singapura. Ini kerana mereka mengakui kepentingan Singapura kepada pendapatan England. Tambahan lagi kepesatan aktiviti dan pembangunan Pelabuhan Singapura telah meletakkan soal pertahanan sebagai satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh Imperial. Pembinaan berek-berek dan kubu-kubu pertahanan dibiayai oleh pihak Kolonial, manakala persenjataan dan sistem pertahanan periuk api pula oleh pihak Imperial. Perkara yang perlu diberikan keutamaan ialah keselamatan pelabuhan dan bandar Singapura serta depot-depot arang batunya. Kepentingan-kepentingan ini perlu dilindungi daripada menjadi sasaran serangan musuh.

Jika dilihat daripada pembangunan kerja-kerja pertahanan di koloni Negeri-Negeri Selat, British lebih memberikan tumpuan terhadap keselamatan Singapura berbanding dengan Pulau Pinang, Melaka atau Labuan. Ini dapat dibuktikan dengan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan dan pembiayaan serta penyelenggaranya. Malah suasana-suasana genting yang melibatkan negara-negara di Eropah juga dirasakan boleh mengancam kemakmuran dan keselamatan "pulau pelabuhan" ini. Tambahan pula, Perancis memang telah diketahui bergerak cergas di rantau Asia Tenggara dengan Saigon sebagai pengkalannya.

Pada awal tahun 1878, situasi politik di Eropah terutamanya antara Rusia dan England agak tegang. Kemungkinan tercetusnya

peperangan di antara kedua-dua kuasa ini tidak boleh dielakkan. Sehubungan dengan itu, Imperial British perlu berhati-hati dengan gerakan dan operasi skuadron Rusia-Siberia.¹⁰³ Lebih-lebih lagi pihak Rusia telah berjaya menguasai Vladivostok pada tahun 1860.¹⁰⁴

Pihak Imperial perlu memastikan ketegangan hubungan politik di antara kedua-dua buah negara tidak mengancam kemakmuran perdagangan Singapura. Oleh itu, mereka perlu mengambil langkah-langkah keselamatan yang lebih serius untuk menolak sebarang ancaman. Dengan operasi skuadron Rusia-Siberia yang mempunyai pelbagai kelengkapan peperangan dan bekalan selama enam bulan serta Jepun menjadi pembekal torpedo kepada angkatan tersebut, sudah pasti British tidak boleh mengambil sikap berdiam diri sahaja. Keselamatan pelabuhan-pelabuhan strategik mereka di Timur (Hong Kong dan Singapura) dan koloni Australia mesti dipertahankan. Tambahan lagi terdapat kemungkinan pihak lawan akan menumpukan serangan ke atas Singapura dan Selat Melaka. Secara tidak langsung, skuadron Rusia-Siberia ini akan mengancam dan menguasai laluan perdagangan ke koloni British di Australia.¹⁰⁵

Keselamatan perdagangan dan depot-depot arang batu Singapura juga boleh terancam dengan dengan keupayaan angkatan laut negara-negara lain seperti Itali, Jerman, Amerika, Belanda, China dan

Jepun. Oleh itu, kepentingan-kepentingan strategik Singapura mesti dilindungi. Tambahan lagi, negara-negara yang memiliki kekuatan angkatan laut boleh menjadi musuh British dan mencerobohi Singapura pada bila-bila masa sahaja.

Selain daripada Rusia, Perancis, Jepun, Belanda, China, Jerman, Amerika dan Itali juga mempunyai kemampuan sebagai kuasa maritim yang boleh menggugat kedudukan Imperial British. Perancis mempunyai kapal perang *Armide* yang dilengkapi dengan enam laras *armor*. Mereka juga mempunyai dua buah *corvetts* seberat 1,920 tan dan membawa 10 laras meriam. Di samping itu, mereka turut mempunyai dua buah *corvetts* lagi seberat 1,100 tan dengan enam laras meriam serta enam buah kapal-kapal yang kecil. Pihak Belanda pula mempunyai sebuah kapal perang atau *a strong turret ship vessel*. Amerika dan Itali masing-masing mempunyai satu atau dua buah *corvetts*. Jerman pula memiliki satu *frigate*, dua buah *corvetts* dan sebuah *gun-vessel*.¹⁰⁶

Bagi kuasa laut Asia seperti China dan Jepun, kemampuan mereka turut menambahkan kebimbangan Inggeris. Angkatan laut Jepun memiliki sebuah kapal *ironclad* dan dua buah *corvetts* yang baru serta dua buah *ironclad* lama dengan saiz yang lebih kecil. Sementara itu, China mempunyai lapan buah *Alphabet gunboats* dengan setiap satunya membawa meriam seberat 38 tan. Mereka juga memiliki kapal-kapal kecil atau

perahu yang diperbuat daripada kayu untuk kegunaan dalam operasi tentera.¹⁰⁷

Kesimpulannya menjelang 1890-an, peranan pertahanan Imperial telah diperluaskan. Di bawah arahan Imperial, Singapura dan wilayahnya akan ditingkatkan sebagai salah satu kubu dalam rancangan pertahanan Imperial. Peranan Kolonial dalam hal pertahanan pula semakin berkurangan. Pihak British perlu bersedia dan memperlengkapkan kerja-kerja pertahanan darat serta kekuatan angkatan lautnya di rantau ini khususnya Pulau Singapura dan wilayahnya. Imperial British perlu menyaingi keupayaan kuasa-kuasa maritim lain demi mengekalkan kesinambungan atau rantai komunikasi, pelayaran, perdagangan, pentadbiran dan pertahanan empayar British di Timur Jauh. Kejatuhan Singapura ke tangan pihak lawan bermakna England akan kehilangan punca pendapatan yang besar dan depot-depot arang batu Imperial. Ini akan membawa kepada kemusnahan lokasi strategik yang mereka cipta di Singapura. Walaupun pencerobohan pihak asing ke atas Singapura dan wilayahnya tidak pernah berlaku, namun kehadiran kuasa-kuasa maritim lain di rantau ini sudah cukup untuk menjadi ancaman kepada keselamatan pulau tersebut. Oleh itu, pihak Imperial British telah meningkatkan pelaburan ke atas perlaksanaan kerja-kerja pertahanan di Singapura seperti yang akan dibincangkan dalam Bab Empat berikut.

Nota kaki

1. CO 273/108 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
2. Ibid.
3. G.E. Boogars, "The Effect of Opening the Suez Canal on the Trade and Development of Singapore", **JMBRAS**, Vol.42, Part 2, Singapore, Times Printers, 1969, hal. 222.
4. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
5. Ibid.
6. G.E. Boogars, Op. Cit., hal. 222.
7. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
8. Ibid.
9. CO 273/59 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 9 Ogos 1872, desp. 115, ff. 2-16.
10. CO 273/97 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 19 Ogos 1878, desp. Tre., ff. 198-206.
11. CO 273/46 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 25 Apr. 1871, desp. 103, ff. 192-205.
12. CO 273/47 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 19 Mei 1871, desp. 130, ff. 49-52.
13. CO 273/49 : The Inquiry By The Legislative Council Of The Straits Settlements, Into The Question Of The Applications For Concession For The Railway To New Harbour, Straits Times Press, Singapore, 1870, 23 Sept. 1871, desp. 228, ff. 455-496.
14. CO 273/47 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 19 Mei 1871, desp. 130, ff. 49-52.

15. Ibid.
16. CO 273/73 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 4 Feb. 1873, desp. War, ff. 311-328.
17. No. 18, Straits Settlements Military Contribution, dalam SSLCP, 15 Okt. 1891, C.101.
18. CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 30 Mac 1867, desp. War, ff. 255-258.
19. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
20. Ibid.
21. Ibid.
22. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 11 Mei 1867, desp. War, ff. 259-268.
23. Ibid.
24. CO 273/35 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 5 Ogos 1869, desp. War, ff. 50-58.
25. CO 273/73 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 13 Jan. 1873, desp. War, ff. 301-310.
26. CO 273/35 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 2 Apr. 1869, desp. War, ff. 33-35.
27. CO 273/35 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Apr. 1869, desp. War, ff. 45-49.
28. Ibid.
29. Military Contribution, 1927 : no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.
30. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
31. CO 273/73 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 4 Jan. 1873, desp. War, ff. 291-293.

32. CO 273/73 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 7 Jan. 1873, desp. War, ff. 294-300.
33. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
34. CO 273/73 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 4 Feb. 1873, desp. War, ff. 311-328.
35. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
36. CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Mei 1867, desp. War, ff. 259-268.
37. CO273/53 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 24 Feb. 1871, desp. War, ff. 364-368.
38. CO 273/53 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 1 Mei 1871, desp. War, ff. 375-377.
39. CO 273/35 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 6 Apr. 1869, desp. War, ff. 36-44.
40. CO 273/53 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Feb. 1871, desp. War, ff. 361-363.
41. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
42. CO273/150 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 1 Feb. 1881, desp. 44, ff. 191-198.
43. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 12 Ogos 1887, desp. War, ff. 547-552.
44. Tiada peta atau rajah yang spesifik ditemui berkenaan kerjapertahanan ini sepanjang penyelidikan dijalankan.
45. CO 273/35 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 27 Feb. 1869, desp. War, ff. 20-32.
46. Ibid.
47. Ibid.

48. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
49. Ibid.
50. S. Khatiravelu, Fortifications of Singapore 1819-1942, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Singapura, 1957, hal. 18.
51. Ibid, hal. 19.
52. CO 273/108 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
53. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
54. Ibid.
55. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff.316-362.
56. Ibid.
57. Ibid.
58. Ibid.
59. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
60. Ibid.
61. Ibid.
62. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
63. Ibid.
64. Ibid.
65. Ibid.
66. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

67. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
68. Ibid.
69. Ibid.
70. Ibid.
71. Ibid.
72. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
73. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
74. Ibid.
75. Ibid.
76. Ibid.
77. Ibid.
78. Ibid.
79. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
80. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
81. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
82. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
83. Ibid.
84. CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 25 Jun 1867, desp. War, ff. 269-278.
85. Ibid.

86. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
87. CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 25 Jun 1867, desp. War, ff. 269-278.
88. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
89. CO 273/53 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Jun 1871, desp. War, ff. 836-839.
90. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
91. Ibid.
92. Ibid.
93. Ibid.
94. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
95. CO 273/62 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 10 Dis. 1872, desp. 207, ff. 170-174.
96. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
97. Ibid.
98. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
99. Ibid.
100. Ibid.
101. CO 273/16 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Mei 1867, desp. War, ff. 259-268.
102. Ibid.
103. CO 273/108 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1881, desp. War, ff. 316-362.

104. R.D. Jansen, "The Idea of Singapore as a Naval Base and the abandonment of that idea, 1885-1905", Tesis Sarjana Muda, Singapura, Universiti Malaya, 1954, hal. 23.
105. CO 273/108 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 29 Apr. 1881, desp. Sec., ff. 316-362.
106. Ibid.
107. Ibid.